



Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL). - Foto Ihsan UMSKAL

Kumpulan terakhir pelajar UMSKAL pulang ke Semenanjung hari ini

LABUAN: Kumpulan terakhir terdiri daripada 312 pelajar Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) berlepas pulang ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), petang ini.

Pelajar terbabit terkandas lebih sebulan di kampus mereka susulan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), bermula 18 Mac lalu.

Mereka dibahagikan kepada dua kumpulan bagi menaiki dua penerbangan sewa khas Malaysia Airlines, masing-masing pada 3.20 petang dan 4.05 petang untuk pulang ke kampung halaman mereka di Semenanjung.

Terdahulu, sejumlah 65 pelajar dari tiga institusi pengajian tinggi di Sabah - Universiti Teknologi MARA (UiTM) (4 orang), Politeknik Kota Kinabalu (14), Politeknik Sandakan (4), Universiti Malaysia Sabah (34) dan baki sembilan lagi dari institusi pengajian swasta tiba di Labuan.

Pelajar terbabit yang kembali ke Sabah sudah menjalani prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan Jawatankuasa Pengurusan Bencana Labuan secara serta-merta termasuk saringan suhu badan, temu bual dan pendaftaran yang dikendalikan pegawai Jabatan Kesihatan.

Pelajar, ibu bapa dan penjaga mereka turut diberikan taklimat mengenai syarat SOP bagi menjalani kuarantin selama 14 hari di rumah.

Pengerusi jawatankuasa itu, Dr Fary Akmal Osman berkata masih terdapat sejumlah 2,076 pelajar Kolej Matrikulasi Labuan yang terkandas di kampus mereka dan sedang menunggu giliran untuk dihantar pulang ke kampung halaman masing-masing di Sabah dan Sarawak.

"Lebih 1,000 pelajar matrikulasi dari Sabah akan dihantar pulang mulai esok dengan bas dan feri manakala bakinya iaitu lebih 700 orang dari Sarawak akan dihantar pulang dengan penerbangan MASwing.

"Kami sedang berusaha sedaya-upaya untuk membolehkan mereka berada bersama-sama keluarga masing-masing sebelum Aidilfitri," katanya kepada pemberita di Lapangan Terbang Labuan, hari ini.

Beliau berkata, jawatankuasa itu sedang berhubung dengan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) mengenai jumlah pelajar dari Labuan yang masih terkandas di kampus masing-masing di Semenanjung untuk dihantar pulang ke Labuan.

"Bagaimanapun, berdasarkan kenyataan dari Menteri Kanan (Kluster Keselamatan) Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob akan terdapat satu penerbangan untuk menghantar pulang pelajar dari Labuan tidak lama lagi namun kami belum menerima butirannya lagi," katanya.

Dr Fary berkata, masih terdapat lebih 200 pelajar dari Labuan di UMS Kota Kinabalu yang turut menanti untuk dihantar pulang ke kampung halaman masing-masing.

Beliau mengingatkan pelajar dari Labuan yang ketika ini terkandas di kampus masing-masing di luar Labuan meskipun dibenarkan pulang sendiri, mereka perlu melalui jawatankuasa itu. – BERNAMA